

## Tun Mahahir Gesa Generasi Muda Kaji Ideologi Negara Maju

Oleh : Siti Salwa Sirin



Tun Mahahir Mohamed ketika menyampaikan syarahan di UMS.

ISNIN, 18 MAC – Generasi muda diseru agar mengkaji ideologi negara maju bagi memperoleh ilham untuk dipraktikkan di negara sendiri.

“Generasi muda harus ingat bahawa kemajuan negara kita sekarang adalah hasil usaha pemimpin-pemimpin terdahulu dan perlu dipertingkatkan kemajuan dengan mengambil contoh dari negara-negara maju yang lain,” katanya sewaktu menyampaikan syarahan yang bertajuk “Peranan Generasi Muda: Ke Arah Negara Maju dan Berdaulat” di Dewan Kuliah Pusat ke-2, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Jelasnya lagi, generasi muda perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi bagi memastikan rakyat Malaysia menikmati keselesaan dalam pembangunan.

Tambahnya lagi, penubuhan pusat-pusat ilmu tersebut diharap mampu membuka mata dan minda generasi muda untuk memajukan Malaysia seiring dengan negara maju lain untuk mencapai Wawasan 2020.

Majlis yang berlangsung pada jam 7 malam itu turut dihadiri isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egeh, pegawai-pegawai utama UMS serta para mahasiswa dan mahasiswi.